

INVENTORI VOKAL DAN DIFTONG DIALEK MELAYU JUGRA VARIAN PERMATANG PASIR

Norfazila Ab. Hamid¹

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

norfazila@kuis.edu.my

Norhasliza Ramli²

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

norhasliza@kuis.edu.my

Riduan Makhtar³

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

riduan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membicarakan varian Permatang Pasir (VPP) yang merupakan salah satu varian dialek Melayu Jugra (DMJ) yang terdapat di Jugra, Selangor. Objektif kajian dalam makalah ini ialah mencerakinkan semula aspek-aspek fonologi yang masih belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang DMJ terutamanya dalam menentukan jumlah inventori fonem dan penentuan varian dalam DMJ. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VPP dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal dan diftong pada posisi kata sama ada di awal, tengah, dan akhir kata serta melihat keberadaan alternasi dalam VPP ini. Pendekatan yang dimanfaatkan dalam mencapai objektif kajian ini ialah pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa VPP mempunyai lapan fonem vokal /i, u, e, o, E, □, ↔, a/ dan memiliki dua diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [i, u, e, o, E, □, ↔, a] dan [aw, aj]. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan satu sumbangan yang baharu dalam menentukan inventori VPP dalam bidang linguistik.

¹ Norfazila Ab. Hamid (PhD Linguistik, FSSK, UKM) ialah Pensyarah Kanan di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Pengajian Peradaban & Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 14 tahun. Kini beliau diberikan amanah untuk menjawat jawatan sebagai Dekan, Pusat Pengajian Teras, KUIS dari tahun 2017 hingga kini. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Dialektologi & Linguistik Bandingan.

² Norhasliza Ramli (MA Linguistik, FSSK, UKM) ialah Pensyarah di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Kenegaraan & Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 15 tahun. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang Analisis Wacana.

³ Riduan Makhtar (MA Linguistik, FSSK, UKM) ialah Pensyarah di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Kenegaraan & Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 9 tahun. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang Dialektologi.

Kata kunci: Varian Permatang Pasir (VPP); Pendekatan struktural; Fonem; Vokal; Diftong

PENGENALAN

Negeri Selangor Darul Ehsan menjadi negeri di bawah Persekutuan Malaysia yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai Ketua Negeri dengan dibantu oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang menyelaras pentadbiran negeri. DYMM Sultan Selangor adalah menjadi ahli bagi Majlis Raja-Raja yang turut dianggotai oleh Raja-Raja Negeri-negeri Persekutuan Malaysia dan yang Dipertuan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Negeri Selangor Darul Ehsan mempunyai peranan yang amat penting dalam sejarah pembentukan dan perkembangan Negara Malaysia. Kuala Lumpur telah menjadi pusat pentadbiran bagi Persekutuan Tanah Melayu dan pusat kegiatan perdagangan, perniagaan dan perbankan. Pada 1 Februari 1974, satu perjanjian antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani bagi penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Gambar 1⁴

Keluasan negeri Selangor yang seluas 8104 km per segi itu terbahagi kepada sembilan daerah, iaitu Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Klang, Hulu Langat, Sepang. Mukim-mukim tersebut ialah Bandar, Batu, Jugra, Kelanang, Morib, Tanjung Dua Belas, dan Telok Panglima Garang. Walau bagaimanapun, pengkaji akan menyentuh mukim yang terlibat secara langsung dengan kajian DMJ, iaitu Mukim Bandar, Mukim Jugra, dan Mukim Kelanang.

⁴ Almarhum D.Y.M.M Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menandatangani Perjanjian Wilayah Persekutuan antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan Kerajaan Persekutuan Malaysia bagi penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 2 Februari 1974. D.Y.M.M Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Yang Kelima mewakili Kerajaan Persekutuan.



Gambar 2 Peta Negeri Selangor

Makalah ini membicarakan tentang Dialek Melayu Jugra. Jugra merupakan salah sebuah mukim yang berada dalam daerah Kuala Langat dan berada berhampiran dengan lembangan Sungai Langat. Muara sungai ini dikatakan bercabang menjadi dua sungai yang besar iaitu sungai Jugra dan sungai Langat dan dipercayai merupakan antara petempatan terawal di negeri Selangor. Jugra dipercayai dibuka oleh orang-orang Bugis yang datang dari Johor pada abad ke-18 untuk menjalankan aktiviti perdagangan dengan Melaka.

Dalam kajian ini Kampung Permatang Pasir dijadikan salah satu varian yang dikenal pasti wujud dalam DMJ. Kampung Permatang Pasir ialah antara kampung tradisional yang utama di Jugra. Keluasan kampung ini adalah 8 kilometer persegi dan mempunyai bilangan penduduk kira-kira 1800 orang. Kampung ini terletak berhampiran dengan Kampung Khatong. Pelbagai masyarakat yang menghuni di Kampung Permatang Pasir ini seperti etnik Melayu, Cina, Jawa, Orang Asli dan lain-lain lagi. Sebahagian penduduk di Kampung ini berketurunan Jawa. Pun begitu, informan yang dipilih oleh pengkaji melalui bantuan ketua kampung Permatang Pasir, adalah dipilih daripada keturunan Melayu demi mendapatkan ketulenan subdialek kampung di sini.

Selain itu, di Kampung Permatang Pasir ini juga terletaknya sebuah muzium yang menyimpan khazanah sejarah yang berumur lebih 100 tahun tentang Kesultanan Melayu Selangor lama di Jugra. Muzium ini diberi nama sebagai Muzium Insitu Jugra yang telah dibuka sejak tahun 2012. Muzium Insitu Jugra ditempatkan di dalam bangunan balai polis British yang dibina pada tahun 1878. Muzium itu memuatkan penjara, mahkamah mini dan perigi lama. Pengunjung juga boleh melihat tapak cari gali serta hasil penemuan kerja-kerja ekskavasi.

Hasil bacaan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian perpustakaan, kajian linguistik yang melibatkan DMJ hanya ada tiga sahaja kajian yang dilaksanakan oleh ahli linguistik iaitu

Collins (1996), Amah Haji Omar (2008) dan Shahidi A.H (2015). Tidak keterlaluan di sini, pengkaji menyatakan bahawa kajian ini adalah satu kajian rintis yang dilakukan dan tidak berkait dengan ilmu perbandingan DMJ ini. Dalam kajian ini pengkaji telah membuat penelitian terhadap beberapa kajian lampau yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Sebanyak tiga kajian lampau telah dirujuk bagi menilai dan mencari kelompongan yang perlu diisi oleh pengkaji untuk mendapatkan satu hasil kajian yang baharu. Himpunan penyelidikan kajian lampau terhadap bahasa yang dikaji turut memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk menghasilkan satu kajian baharu dan menghasilkan pendeskripsian yang lebih berpeda. Oleh itu, dalam makalah ini hanya satu sahaja varian yang diketengahkan dalam makalah ini iaitu VPP.

OBJEKTIF KAJIAN

Hasil daripada beberapa permasalahan dalam kajian lepas, pada asasnya objektif kajian dalam makalah ini ialah mengilustrasi dan membincangkan ragam DMJ. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VPP dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal dan diftong dalam kata VPP berlandaskan pendekatan struktural.

PENDEKATAN STRUKTURAL

Kajian ini, adalah berlandaskan pendekatan struktural. Dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural digunapakai dalam menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana sesuai dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980: 66), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipenggalkan dan diberi lambang. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993: 220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud

dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi vokal dan diftong dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

ANALISIS DAPATAN SISTEM FONEM VPP

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memaparkan inventori dan penyebaran sistem fonem vokal dan diftong dalam kata bagi kawasan kajian. Penyebaran sistem fonem ini memperlihatkan keberadaan fonem berdasarkan posisinya dalam perkataan, iaitu di posisi awal, tengah atau akhir. Varian DMJ yang diketengahkan dalam makalah ini merujuk kepada VPP.

Sistem fonem Vokal DMJ (VPP)

DMJ VPP mempunyai lapan fonem vokal /i, u, e, o, E, □, ↔, a/ yang terdiri daripada tiga vokal depan, dua vokal tengah, dan tiga vokal belakang. Jadual 1 memaparkan inventori fonem vokal tersebut.

Jadual 1 Inventori vokal DMJ VPP

Bahagian Kedudukan	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e		o
Separuh Rendah	E	↔	□
Rendah		a	

Berdasarkan Jadual 1 terdapat 2 fonem vokal tinggi iaitu vokal tinggi depan /i/ dan vokal tinggi belakang /u/ yang dibunyikan sebagai [i] dan [u], hadir dalam semua lingkungan kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Selain itu, terdapat dua fonem vokal separuh tinggi iaitu vokal separuh tinggi depan /e/ yang dibunyikan sebagai [e] dan vokal separuh tinggi belakang /o/ yang dibunyikan sebagai [o] turut hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Seterusnya, terdapat 2 fonem vokal separuh rendah iaitu vokal separuh rendah depan /E/ dan vokal separuh rendah belakang /□/ yang dibunyikan sebagai [E] dan [□]. [E] hanya hadir pada posisi tengah kata manakala [□] hadir pada semua posisi kata. Manakala, fonem vokal separuh rendah tengah /↔/ yang dibunyikan sebagai [↔] dan fonem vokal rendah tengah /a/ yang dibunyikan sebagai [a] hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Contoh kesemua penyebaran fonem vokal DMJ VPP yang hadir pada posisi kata tertentu ini boleh dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Penyebaran fonem vokal dalam DMJ VPP

Jenis Vokal	Penyebaran Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/i/	[ini]	ini	[ki⊗i]	kiri	[la⊗i]	lari
/u/	[usus]	usus	[susu]	susu	[satu]	satu
/e/	[eko]	ekor	[tumet]	tumit	[m↔Nal e]	mengalir
/o/	[o⊗aN]	orang	[kolam]	kolam	[koto]	kotor
/E/	-		[bEtΣa/]	becak	-	
/□/	[□tan]	hutan	[s□Naj]	sungai	[b↔luk□]	belukar
/↔/	[↔nam]	enam	[l↔ma/]	lemak	[taw↔]	tertawa
/a/	[ana/]	anak	[baw]	bahu	[aka]	akar

Selanjutnya, berdasarkan kajian yang dilakukan, DMJ VPP memiliki dua diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [-aw, -aj]. Dua diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Dua diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata. Contoh data yang diutarakan ialah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 Penyebaran diftong dalam DMJ VPP

Jenis Diftong	Penyebaran Diftong Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/aw/	-		-		[kalaw]	kalau
/aj/	-		-		[s□Naj]	sungai

KESIMPULAN

Dalam makalah ini, pengkaji telah memaparkan hasil daripada dapatan kajian terhadap DMJ VPP. Analisis data bermula dari segi penyebaran fonem dan bunyi yang terdapat dalam kawasan kajian berdasarkan bunyi vokal dan diftong. Hasilnya, VPP mempunyai lapan fonem vokal /i, u, e, o, E, □, ↔, a/ dan memiliki dua diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [i, u, e, o, E, □, ↔, a] dan [aw, aj]. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan satu penemuan yang bahari dan dapat dijadikan rujukan oleh para linguist bagi merungkai segala permasalahan yang timbul dalam kajian-kajian yang lepas.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1974. Pertembungan Bahasa dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* **17** (5): 216-236.
- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdul Chaer Madi'e. 1979. Distribusi Deberapa Fonem Segmental Sebagai Ciri Penanda Subdialek Dalam Bahasa Melayu Dialek Jakarta. *Dewan Bahasa* **22** (7): 39-51.
- Abdul Hamid Mahmood. 1982. *Morfologi Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood & Nor Aina Dani. 1994. Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Dusun. *Jurnal Dewan Bahasa* **38** (9): 772-775.
- Abercrombie, David. 1969. *Elements of General Phonetics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Abu Bakar Hamid. 1981. *Sedikit Mengenai Dialek Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Othman. 1980. *Masalah Penyelidikan di Kota: Satu Analisis Dalam Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adelaar, K. A. 1992. Proto-Malayic: The Reconstructions of Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical. *Pacific Linguistic* **C-119**. Canberra: The Australia National University.
- Adelaar, K. A. 1995. *Bahasa Melayik Purba: Rekonstruksi Fonologi dan Sebagian dari Leksikon dan Morfologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dengan kerjasama Universiti Leiden.
- Adeelar, K.A. 2005a. Melayo-Sumabawan. *Oceanic Linguistics* **22**: 357-388.
- Adeelar, K.A. 2005b. The Austronesian Languages of Asia and Madagascar: A Historical Perspective. Dlm. Alexander and Nikoulas P. Himmelmann (Ed.). *The Austronesian Languages Asia and Madagascar*, hlm 1-42 London: Routledge Publishing.
- Adeelar K.A. 2005c. Structural Diversity in the Malayic Subgroup. Dlm. Alexander Adeelar and Nikoulas P. Himmelmann) ed.). *The Austronesia languages of Asia and Madagascar*, hlm 202-226. London: Routledge Publishing.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1985. *Kaedah Peyelidikan Sosio-Ekonomi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1997. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monografi 3, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akmajian Andrian. 1995. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Terj. Aishah Mahdi & Azizah Hussien. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Arbak Othman. 1983. *Permulaan Ilmu Linguistik: Satu Pengenalan Konsep Dalam Bidang-Bidang Kajian Secara Teoris*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asiah Idris. 1987. Fonologi Dialek Pahang: Satu Kajian Awal di Kampung Sentang. *Jurnal Dewan Bahasa* 6: 415-431.
- Asmah Haji Omar. 1975. *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1994. Bahasa-Bahasa Bumiputera Sarawak. *The Sarawak Museum Journal XLVII* (68): 145-153.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Ed ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asrah Daud. 1991. Dialek Patani dan Dialek Kelantan: Satu Dialek yang Sama atau Berbeza. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bailey, K.D. 1984. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bynon, Theodora. 1994. *Linguistik Sejarawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, Lyle. 2004. *Historical Linguistic: An Introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Casad, Eugene. H. 1974. *Dialect Intelligibility Testing*. Amerika Syarikat: University Of Oklahoma.
- Cense, A.A & Uhlenbeck, E.M. 1958. *Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Anuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James. T. 1983. *Dialek Hulu Terengganu*. Monografi 8, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1983b. Dialek Pahang: Rangka Pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa* 27: 7-29; 99-118.
- Collins, James T. 1985a. Dialek Melayu di Kampung Landai, Pahang: Menuju penelitian tatabahasa Melayu di kalangan Orang Asli. *Jurnal Dewan Bahasa* 7: 477-493.
- Collins, James T. 1985b. Dialek Melayu Pulau Tioman dan Rekonstruksi Bahasa Melayu Purba. *Jurnal Dewan Bahasa* 5: 369-383.
- Collins, James. T. 1986. *Penyusunan Salasilah Bahasa Melayu di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Collins, James. T. 1989. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James. T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James. T. 1997. Ilmu Linguistik: Perbandingan Teori dan Kenyataan. *Jurnal Dewan Bahasa* **12**: 1080-1087.
- Collins, James. T. 1999a. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, Terry & Bowern, Claire. 2010. *An Introduction to Historical Linguistic*. Edisi ke-4. Oxford University Press.
- Crystal, D. 1980. *A First Dictionary of Linguistics and Phonetics*. London: Andre Deustch.
- Djamour Judith. 1959. *Malay Kingship and Marriage in Singapore*. London: Athlone Press.
- Farid. M. Onn. 1980. *Aspect of Malay Phonology and Morphology: A Generatif Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid. M. Onn. 1988. Konsep-Konsep Dasar Teori Fonologi-Generatif. Dalam. Nik Safiah Karim (pny) *Linguistik Tranformasi Generatif: Suatu Penerapan Pada Bahasa Melayu*, hlm. 169-180. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn & Ajud Che Kob. 1993. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana. 1980. *Fungsi Bahasa dan Sikap Bahasa*. Indonesia: Universitas Indonesia.
- Henry Guntur Tarigan. 1991. *Metodologi Pengajaran Bahasa 1*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Hockett, C. F. 1958. *A Course in Modern Linguistics*. New York: Mcmillan Co.
- Hudson, A.B. 1978. Linguistic Relations Among Bornean Peoples with Special Reference to Sarawak: An Interm Report. In Zamora, Maria D.' Vinson H. Sutlive & Nathan Altshuler (eds), *Sarawak: Linguistics and Development Problems*, pp. 1-33. Williamsburg: College of William and Mary.
- Hyman, L. M. 1975. *Phonology: Theory and Analysis*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in the Malay Peninsular. *Nusantara* **3**. Januari: 69-79.
- Jalal Ahmad. 1967. *Penyelidikan Bahasa Daerah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenstowicz. M & C. Kissobert. 1977. *Generative Phonology: Description and Theory*. New York: Academic Press.
- Kurath, Hans. 1972. *Studies in Area Linguistic*. Bloomington: Indiana University Press.
- Mahsun. 1995. *Dialektologi Diakronis Sebuah Pengantar*. Yongyakarta: Gadjah Mada Universitas Press.
- Mahsun. 2005. *Metode Penelitian Bahasa*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Mohd. Sheffei Abu Bakar. 1991. *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Tarmizi, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2010. Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Aliran Sungai. *Jurnal Melayu* **5**: 315-332.

- Mouly, G.J. 1970. *The Science of Educational Research*. Edisi Kedua. New York: D. Van Nostrand.
- Noriah Mohamed. 1994. Waktu Pisah dan Tingkat Kekerabatan Bahasa Melayu dengan Bahasa Iban. *Jurnal Dewan Bahasa* **38** (2): 129-142.
- Noriah Mohamed. 1999. Pengelompokan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa* **43** (12): 1077-1107.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1998. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Aman. 1997. Kesahan Leksikostatistik Menangani Isu Perbandingan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa* **41** (2): 170-174.
- Rahim Aman. 1997. *Perbandingan Fonologi dan Morfologi Bahasa Iban*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim Aman. 1997. Mengapakah Pendekatan Kuantitatif Mengelirukan. Dlm. *Pelita Bahasa* **10** (7): 26-27.
- Rahim Aman. 2008. *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samarin, William J. 1967. *Field Linguistic: A Guide to Linguistic Field Work*. New York: Ho, Rinehart & Winston.
- Samarin, William J. 1993. *Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saussure, Ferdinand de. 1993. *Pengantar Linguistik Umum*. Terj. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schane, S. A. 1973. *Generative Phonology*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Schane, S. A. 1992. *Fonologi Generatif*. Terj. Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhendra Yusuf, M.A. 1998. *Fonetik dan Fonologi*. Jakarta: Gramedia.
- Syed Arabi Idid. 1992. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trubetzkoy, N. S. 1969. *Principles of Phonology*. California: University of California Press.
- Wan Hashim Wan Teh. 1980. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- www2.selangor.gov.my.
- Zaharani Ahmad. 1991. Fonologi Dialek Melayu Perak: Satu Huraian Atur Rumus. *Dewan Bahasa* **35** (6): 485-496.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The Phonology and Morphology of the Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1993. *Fonologi Generative: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.